Ketua Penolong Pegawai Daerah dipukul MS5



Parkir percuma hingga maklum MS 25






PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com

16 – 31 JANUARI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Buletin Mutiara mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina.*

# Dr. Fadhlullah Jamil Tokoh Maulidur Rasul 1435H P. Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



PROF. Madya Dr. Fadhlullah Jamil (kiri sekali) berjabat tangan dengan Ahmad Sani Araby Abdul Halim Araby sambil diperhatikan Darah Ibrahim (tengah) pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1435 Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Prof. Madya Dr. Fadhlullah Jamil, 69, dinobatkan sebagai Tokoh Maulidur Rasul 1435 Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Pensyarah sambilan Universiti Sains Malaysia (USM) itu menerima wang tunai berjumlah RM5,000, plak, trofi beserta sijil penghargaan daripada Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas.

Fadhlullah yang juga Ketua Kariah Masjid Jamek Sungai Gelugor semasa ditemui kemudian berkata, beliau begitu terharu dan melahirkan rasa syukur kehadrat Ilahi atas pengiktirafan tersebut.

"Saya lakukan segalanya dalam penyampaian ilmu ini adalah kerana Allah, dan usaha saya menulis juga tidak akan terhenti di sini. Saya akan teruskan usaha penyebaran ilmu ini sampai bila-bila," ujarnya pada majlis sambutan Maulidur Rasul 1435 Hijrah itu.

Menurut Fadhlullah, beliau sekarang sedang menyiapkan karya mengenai Bahayanya Syiah dan Islam di Algeria.

Katanya lagi, pengiktirafan pada kali ini cukup bermakna selepas anugerah kali pertama seperti itu pernah disandang pada Julai 2008, iaitu Anugerah Al-Amin melalui satu penulisan juga.

"Saya juga menganggap penulisan saya ini adalah satu cabang jihad dalam mendidik masyarakat dan anak muda demi masa depan agama Islam," jelasnya.

Pengasas Pondok Penanti, Allahyarham Mohd. Redzuan Abdul Wahid yang baru meninggal dunia pada 19 Mei tahun lepas turut dipilih menerima Anugerah Khas Pendidikan.

Manakala, Pengerusi Kumpulan Al-Araby, Ahmad Sani Araby Abdul Halim Araby pula menerima Anugerah Khas Anak Muda.

Ahmad Sani Araby sebelum ini pernah terperangkap dalam satu pertempuran di Gaza selama lapan hari, selain, menyertai misi kemanusiaan di dua wilayah bergolak lain, iaitu di Syria dan Myanmar.

Sementara itu, Pensyarah Sains Kaji Hayat dan Pakar bidang mikrobiologi dari USM, Prof. Dr. Darah Ibrahim dipilih menerima Anugerah Khas Inovasi.

Abdul Rahman dalam satu ucapannya mengingatkan umat Islam di negeri ini agar kekal istiqamah dalam menjalankan kerja-kerja dakwah yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W serta menjadikan keraian Maulidur Rasul ini sebagai platform mengingati perjuangan dan kepertibadian baginda.

"Qudwah (ikutan) Al-Rasul ini merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia di dunia ini dan wajar diberi perhatian kerana hari ini manusia lebih dilihat lalai bersama dengan perkara duniawi dan materialistik," ujar beliau.

Tema sambutan kali ini adalah Qudwah Al-Rasul Mengukuh Ukhuwah, Memartabat Ummah.

*(sambung di muka surat 3)*

# IKEA sah datang Pulau Pinang!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**




**KETUA Menteri menunjukkan kawasan yang dipersetujui bersama untuk pembangunan bercampur-IKEA dalam satu sidang media bersama kepimpinan Kerajaan Negeri lain di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** - *Inter IKEA Group* (IKEA) yang memiliki gedung terkenal di Malaysia, Singapura dan Thailand akhirnya memuktamadkan hasrat untuk memajukan projek pembangunan bercampur di atas 245 ekar tanah di Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini.

Fasa satu dan dua gedung pasar raya itu akan dibina oleh syarikat asing, *Ikano Pte. Ltd.*, manakala, pejabat serta projek perumahan di bawah pelan pembangunan bercampur dibina bersama dengan syarikat tempatan *Aspen-Ikano,* iaitu anak syarikat Aspen Vision Land Sdn. Bhd.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, 30 ekar untuk pembangunan gedung IKEA fasa pertama kompleks pasar raya, diikuti, fasa dua projek serupa di atas 45 ekar tanah yang lain.

Manakala, 170 ekar lagi, katanya, untuk pembangunan bercampur.

"Kos keseluruhan projek ini adalah bernilai RM484 bilion (RM483,951,600) dan pembayaran mesti dibayar dalam masa 60 bulan daripada tarikh perjanjian dimeterai.

"IKEA sah datang Pulau Pinang...ini adalah gedung IKEA pertama di luar Kuala Lumpur," ujarnya pada sidang media dekat Komtar di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Datuk M. Murly (Pengasas dan Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan Aspen) dan Datuk Seri Nazir Ariff (Pengasas Bersama dan Pengerusi Aspen) turut hadir pada sidang media itu.

Guan Eng yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan dan Hal Ehwal Agama Bukan Islam berkata, PDC telahpun menerima deposit yang tidak boleh dikembalikan berjumlah RM5 juta.

Kolej Universiti KDU, kampus Universiti Hull dan 11,800 rumah mampu milik merupakan antara projek perancangan di bawah pembangunan bercampur di atas 245 ekar tanah dekat Batu Kawan berkenaan.

# Amal 3S, gugur Ahli Majlis tak sukses - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, semua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang dilantik bagi tahun 2014 akan dinilai sepanjang masa serta akan digugurkan jika tidak sukses demi meningkatkan mutu pelanggan.

Ingatan serupa turut disampaikan kepada 24 Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada satu majlis berasingan di Dewan Bandaran dekat Padang Kota Lama, George Town baru-baru ini.

"Saya telah meminta dibuat satu penilaian kepada semua Ahli Majlis kerana kita (Kerajaan Negeri) serius untuk meningkatkan mutu pelanggan...ini KPI (Petunjuk Prestasi Utama) kita.

"Kita tidak akan tangguh-tangguh untuk membetulkan mutu yang silap, kita tidak akan tunggu sampai habis tempoh perjawatan (seseorang Ahli Majlis yang tidak sukses)," ujarnya pada majlis istiadat pelantikan Ahli Majlis MPSP Sesi Tahun 2014 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri bersalaman dengan salah seorang Ahli Majlis MPSP yang baru, Zulkifli Ibrahim sambil diperhati Maimunah Mohd. Sharif (paling kiri).**



**(Dari kiri), ERIC Lim Seng Keat, A. Kumaresan, Tan Hooi Peng, Mohd Hariszuan Jaharudin dan Mhd Nasir Yahya merupakan muka baru yang dilantik sebagai Ahli Majlis MPPP Sesi Tahun 2014.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P.Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) turut hadir pada majlis itu.

Hadir sama, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen lain.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng mencadangkan Sikap Kerja Baik, Sikap Positif dan Semangat Berpasukan (3S) dijadikan budaya kerja Ahli Majlis bagi tempoh perjawatan tahun ini.

Tambah beliau, MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diharap mampu mengambil alih 100 peratus kerja-kerja pembersihan sebagaimana disasarkan oleh Kerajaan Negeri demi menjimatkan sumber PBT.

"Saya rasa ini bukan satu tugas yang mudah, tetapi, peluang pekerjaan perlu kembali diberi kepada anak tempatan, bukan buruh asing," tegas beliau.

Sebelum itu, Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri pada tahun ini akan terus memberi fokus pada pembangunan Seberang Perai, di samping kawasan pulau.

"Fokus pembangunan telah diberikan kepada Seberang Perai, ertinya masa depan Pulau Pinang adalah Seberang Perai.

"Kalau MPSP sukses, maka, Kerajaan Negeri dianggap telah sukses. Jadi, tumpuan pada MPSP sangat penting," jelas beliau.

MPPP mengekalkan 19 Ahli Majlis dan terdapat lima muka baru yang dilantik iaitu Mohd. Hariszuan Jaharudin, Tan Hooi Peng, A. Kumaresan, Mhd Nasir Yahya dan Eric Lim Seng Keat.

# Baiki rumah sebelum sewa beli RM100 sebulan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri membeli 51 rumah pangsa kos rendah di Taman Seruling Emas dekat Seberang Perai Selatan (SPS) dan akan dijual kepada pemohon yang layak secara sewa beli pada kadar RM100 sebulan, tidak termasuk RM20 kos penyelenggaraan tiap-tiap bulan.

Atas maksud itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan RM71,000 lagi untuk menyediakan kelengkapan asas seperti kipas dan lampu di kesemua rumah berkenaan demi memberi keselesaan kepada bakal pembeli yang layak.

Itu, katanya, tidak termasuk kos RM679,362 yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi membaiki kerosakan sedia ada di unit-unit rumah tersebut, khususnya pada bahagian bumbung.

"Memandangkan cadangan ini dikemukakan atas dasar tanggungjawab sosial korporat (CSR), maka, perbincangan lanjut telah dibuat bersama (pemaju) Syarikat Asas Dunia Berhad," ujarnya Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian dan Pembaikan 51 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Seruling Emas, Lot 904, Mukim 5, SPS di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pengerusi Syarikat Asas Dunia Berhad, Datuk Jerry Chan.

Menurut beliau, pengurusan 51 unit rumah tersebut akan diserahkan kepada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejurus perjanjian pembelian dan pembaikan selesai ditandatangani.

"Pengagihan dan penawaran akan dibuat oleh Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPECS) untuk memastikan pengagihan dibuat secara adil dan telus kepada golongan yang memerlukan dengan diaudit bersama oleh syarikat perakaunan," jelas Guan Eng.

Tambah beliau, pemohon yang layak akan menandatangani perjanjian bersama Kerajaan Negeri di bawah Skim Sewa Beli pada kadar RM100 sebulan berserta RM20 kos penyelenggaraan tiap-tiap bulan dalam tempoh 15 tahun.

Terdahulu, Rumah Pangsa Kos Rendah lima tingkat di Taman Seruling Emas dibina pada tahun 1994, dengan keluasan setiap unit adalah 51 meter persegi (548.96 kaki persegi) dan mempunyai dua bilik.

Sebanyak 170 unit rumah di Blok A, manakala, 190 unit (Blok B).

Dari 360 unit rumah di taman tersebut, 309 unit rumah telahpun diduduki.

Manakala, baki sebanyak 51 unit rumah masih kosong, iaitu enam unit di Blok A dan 45 unit (Blok B).

Dalam pembentangan Bajet 2014 Pulau Pinang lepas, Guan Eng pembentangan pelan Sewa Beli 51 unit rumah kos rendah tersebut dan dipersetujui di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Dalam perkembangan lain, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan pinjaman tanpa riba untuk pembelian 104 unit rumah kos rendah jenis *'town house'* di Taman Sungai Duri Permai dekat SPS.

Difahamkan, pembeli perlu membuat pinjaman bank 70 peratus harga pasaran rumah RM38,000 untuk membeli 104 unit rumah berkenaan, manakala, baki 30 peratus lagi adalah pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri.




**FARIZAN Darus (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Jerry Chan (tiga dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian dan Pembaikan 51 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Seruling Emas, SPS di sini baru-baru ini.**

*(Dari muka surat 1)*

# Maulidur Rasul terus diraikan tanpa perarakan – Exco Agama

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PADANG KOTA -** Lebih 3,000 orang daripada 53 kontinjen menyertai perhimpunan Maulidur Rasul 1435 Hijrah di Padang Kota Lama di sini bagi mengingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri terus menyambut keraian itu walaupun tanpa perarakan pada kali ini.

"Pada kali ini, tiada perarakan dilakukan di sekeliling padang seperti tahun lepas," ujarnya dalam satu sidang media bersempena sambutan tersebut di sini baru-baru ini.

Pemimpin utama Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan kerajaan turut menyertai perhimpunan tersebut.

Antaranya, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Maktar Shapee, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Seawal jam 8 pagi, Pegawai dari Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, Ustaz Mohd. Luqmanul Hakim Mokhtar menyampaikan ceramah agama mengenai keperibadian Rasullullah untuk tauladan sepanjang zaman.

Pelbagai acara menarik sepanjang majlis tersebut, antaranya, persembahan qasidah dan nasyid serta syarahan agama oleh Pendakwah Bebas serta personaliti rancangan 'Semanis Kurma', Datuk Siti Nor Bahyah Mahamood.

Dalam perkembangan sama, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba), Hospital Besar Pulau Pinang, Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dipilih sebagai kontinjen terbaik pada acara perbarisan sempena perayaan mengingati Rasulullah S.A.W itu.



**PASUKAN PDRM yang dipilih sebagai kontinjen terbaik pada acara perbarisan.**



**MOHD. Rashid Hasnon (depan, tiga dari kanan), Abdul Malik Abul Kassim (depan, empat dari kanan) bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1435 Hijrah di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**



**KONTINJEN Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.**

# Thaipusam Negeri tarik penganut & pelancong

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Buat kali kedua, sambutan perayaan penting bagi penganut agama Hindu diraikan dengan penuh besar-besaran di Kuil Arulmigu Sri Bala Thandayuthabani yang merupakan Kuil Dewa Murugan terbesar di dunia selain di negara India di sini baru-baru ini.

Bersempena sambutan keagamaan tersebut, dianggarkan 300,000 penganut serta pelancong dari dalam dan luar negara membanjiri Jalan Kebun Bunga di sini yang mana terletaknya kuil berkonsepkan seni bina tradisional bercorak *Dravidian* dengan jumlah 513 anak tangga untuk ke puncak.

Malah, sebanyak 140 panthal didirikan di sepanjang jalan oleh jabatan kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sepanjang laluan menuju ke Kuil Arulmigu Sri Bala Thandayuthabani.




KAVADI yang pelbagai saiz dan berwarna-warni.



KETUA Menteri ditemani Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada sambutan perayaan keagamaan Thaipusam di sini baru-baru ini.

Hadir sama memeriahkan sambutan berkenaan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ditemani Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, R.S.N. Rayer (Seri Delima) dan T. Jayabalan (Batu Uban).

Ramasamy berkata, setiap tahun bilangan penganut yang menghadiri sambutan Thaipusam di Pulau Pinang adalah kian bertambah.

"Hal ini adalah kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat amat prihatin terhadap aspek kebebasan beragama bagi semua kaum di samping menghormati agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

"Pendirian Kerajaan Negeri dalam menegakkan hak agama dalam Perlembagaan Persekutuan tetap sama tidak berubah," katanya di sini baru-baru ini.

Perayaan Thaipusam merupakan hari menunaikan nazar bagi penganut agama Hindu kepada Dewa Murugan. Kavadi yang sinonim dengan perayaan tersebut pula adalah bertujuan untuk memohon agar dosa diampunkan.



PARA Pekerja Am MPPP, bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar selepas selesainya sambutan perayaan Thaipusam.

# Ponggal meriah seiring perasmian Kompleks PHEB

**GEORGE TOWN** - Perayaan Pesta Ponggal yang jatuh pada bulan 'Thai' kalendar Tamil baru-baru ini disambut meriah masyarakat berketurunan India di Kompleks Bangunan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (PHEB) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tahun ini (2014) dianggap bertuah apabila Kerajaan Negeri dapat meraikan Pesta Ponggal yang lebih meriah seiring dengan berlangsungnya Majlis Perasmian Bangunan PHEB.

"Saya gembira kerana ini adalah tahun kedua berturut-turut perayaan Ponggal dapat disambut di sini.

"Malah, sambutan tahun ini adalah lebih besar serta meriah berbanding tahun lalu dengan pelbagai persembahan muzikal dan pentas.

"Pepatah '*Thai Poranthal Valli Porakum*' iaitu bila lahirnya bulan 'Thai', peluang untuk kemajuan tetap akan wujud dan sentiasa di laung-laungkan," ujarnya yang turut diberi kehormatan menandatangani plag perasmian bangunan berkenaan baru-baru ini di sini.

Hadir menemani Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan, T. Jayabalan (Batu Uban), R.S.N. Rayer (Seri Delima) dan R. P. Kasthuri (Ahli Parlimen Batu Kawan).

'Ponggal' yang bermaksud melimpah ruah secara tradisinya dirayakan ketika musim menuai bertujuan melahirkan rasa berterima kasih kepada Dewa Matahari dan ternakan ladang yang membantu menghasilkan kekayaan harta benda.

Malah, Ponggal merupakan sebahagian perayaan tradisional kaum India yang disambut meriah selepas perayaan Deepavali dan Thaipusam.

Bersempena majlis tersebut, Guan Eng diberi penghormatan menuang susu ke dalam periuk 'ponggal' sebagai tanda bermulanya perayaan tersebut yang diraikan selama tiga hari berturut-turut.

Dalam pada itu, Ramasamy melahirkan rasa terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang kerana memberikan lokasi bagi mendirikan bangunan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang.




MASYARAKAT berketurunan India memasak ponggal atau lebih dikenali sebagai nasi manis pada sambutan Pesta Ponggal di Kompleks PHEB di sini baru-baru ini.

# Kes pukul pegawai kerajaan, KN pandang berat

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri mengecam dan memandang berat tindakan ganas sekumpulan individu tidak bertanggungjawab yang telah memukul Ketua Penolong Pegawai Daerah Barat Daya, Abu Hassan Omar sehingga menyebabkan bajunya terkoyak di Teluk Bahang baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, ketika kejadian, Abu Hassan dan anggotanya sedang menjalankan tugas penguatkuasaan serta diarahkan untuk merobohkan gerai haram yang kosong, yang sedang dibina dan baru dibina membabitkan 14 buah.

"Ketika kejadian ganas itu berlaku, Ahli-ahli pertubuhan seperti Perkasa dan UMNO berada di kawasan tersebut.

"Sungguhpun terdapat seramai 35 anggota polis, mereka (polis) tidak dapat melindungi seorang pegawai awam kanan ataupun memastikan undang-undang ditegakkan.

"Tidak ada seorang pun ditahan sungguhpun rakaman video adalah amat jelas sekali tentang siapa yang melakukan tindakan jenayah tersebut," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut serta dalam sidang media berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Abu Hassan sendiri.

Mohd. Rashid memberitahu, ekoran kejadian itu, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara selama dua tahun atau denda sebanyak RM10 ribu atau kedua-duanya sekali kerana menghalang seorang penjawat awam menjalankan tugas dan Seksyen 332 Kanun Keseksaan yang boleh membawa kepada hukuman tiga tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan kerana mencederakan penjawat awam.

"Adalah dikesali bahawa tindakan penguatkuasaan baru-baru ini yang tidak melibatkan gerai haram sedia ada yang sudah lama berniaga telah dihalang oleh sekumpulan individu yang tidak bertanggungjawab.

"YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng telah menghubungi Ketua Polis Negeri, Senior DCP Datuk Abdul Rahim Hanafi untuk meminta tindakan tegas diambil kerana ia adalah perkara amat serius yang melibatkan kewibawaan pentadbiran kerajaan dan seorang pegawai awam," jelas beliau.

Tambahnya, dasar Kerajaan Negeri adalah memberikan kuasa budi bicara kepada Pegawai Daerah untuk menguatkuasakan undang-undang bagi gerai haram yang sedang dibina, baru dibina atau kosong.

"Pejabat Daerah hanya bertindak selepas menerima aduan daripada penduduk tempatan.

"Bagi gerai haram yang sudah berniaga untuk tempoh melebihi setahun, ia bukanlah dalam budi bicara Pegawai Daerah. Maka tindakan penguatkuasaan diserahkan kepada keputusan Kerajaan Negeri atau ahli Exco berkenaan," nyata Mohd. Rashid.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri kesal bahawa parti politik dan pertubuhan telah memainkan sentimen perkauman yang bahaya dan jahat untuk menghalang setiap tindakan penguatkuasaan.

"Baru-baru ini, tindakan penguatkuasaan telah diambil di Bukit Mertajam (Seberang Perai Tengah) terhadap penjaja haram yang berniaga ditengah jalan dan menghalang lalulintas. Penjaja haram tersebut telah diminta untuk berpindah ke bahagian tepi jalan dan tiada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap mereka.

"Sungguhpun ada juga penjaja haram bukan Melayu terlibat, mereka masih terus berniaga, tetapi perniagaan tersebut adalah di bahagian tepi dan bukan di tengah jalan raya tetapi pertubuhan dan ahli parti politik berkenaan membakar sentimen perkauman dengan mendakwa hanya gerai Melayu dirobohkan.

"Kejadian berulang di Teluk Bahang apabila 14 buah gerai kosong dan sedang dibina pula dihalang tindakan penguatkuasaan. Hanya siasatan tegas oleh pihak polis dapat mengatasi masalah yang berleluasa ini," tegasnya.



**AKSI ganas sekumpulan individu tidak bertanggungjawab yang dirakam di Teluk Bahang di sini baru-baru ini.**


**MOHD. Rashid Hasnon menunjukkan salah sebuah binaan haram yang terdapat di lokasi kejadian.**

## P.Pinang hos Kejohanan Skuasy Wanita Dunia

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KUALA LUMPUR** – Negeri diberi pengiktirafan dunia apabila dipilih sebagai tuan rumah penganjuran Kejohanan Dunia Skuasy Wanita Ke-30 2013 yang bakal berlangsung pada 14 hingga 21 Mac ini di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition* (sPICE) atau lebih dikenali Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemilihan Pulau Pinang adalah susulan pembatalan penganjuran kejohanan tersebut apabila Hong Kong dan Egypt menolak proposal penganjuran pada tahun lalu.

"Ekoran pembatalan penganjuran pada tahun lepas, pemain (skuasy) Nombor Satu Dunia, Nicol David (Datuk Nicol Ann David) akan 'menyimpan' piala pusingan dimenangi pada tempoh lanjutan.

"Kerajaan Negeri berasa ia adalah memalukan apabila Ratu Skuasy Dunia dari Pulau Pinang tidak dapat menambah koleksi kemenangan membanggakan sebagai juara dunia sebanyak tujuh kali yang dimenangi sebelum ini iaitu pada tahun 2005, 2006, 2008 hingga 2012. Rakyat Pulau Pinang lazimnya menunggu dengan tidak sabar untuk beliau (Ratu Skuasy) mempertahankan kejuaraan untuk rekod kali kelapan.

"Berasaskan sebab ini, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk tampil bagi membolehkan kejohanan 2013 berlangsung dan pada masa sama bagi memberi peluang serta satu peluang unik kepada rakyat Pulau Pinang untuk melihat sendiri Ratu Skuasy beraksi dan diharapkan beliau (Datuk Nicol Ann David) dapat mencapai ramalan untuk memenangi gelaran dunia sekali lagi," katanya pada sidang media Majlis Menandatangani Perjanjian Sebagai Tuan Rumah Penganjuran Kejohanan Dunia Skuasy Wanita Ke-30 2013 di sini baru-baru ini.



**Ketua Menteri bersama Nicol Ann David (dua dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian sambil ditemani Chong Eng (dua dari kiri) dan Thomas Chan (kanan sekali) pada Majlis Menandatangani Perjanjian Sebagai Tuan Rumah Penganjuran Kejohanan Dunia Skuasy Wanita Ke-30 2013 di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David dan Penganjur Kejohanan, Thomas Chan.

Guan Eng memberitahu, persetujuan pihak Persatuan Skuasy Wanita Dunia (WSA) yang membenarkan penganjuran berlangsung di negeri ini adalah berdasarkan pengiktirafan Pulau Pinang yang memiliki kelayakan pada aspek kemudahan, keselesaan, infrastruktur dan juga pengalaman dalam menganjurkan kejohanan bertaraf dunia sebelum ini.

"Penganjuran program tersebut bakal mencecah RM1 juta termasuk hadiah wang tunai bernilai USD 120,000.

"Lokasi penganjuran perlu berada pada tahap bagus dengan kemudahan berkualiti kepada para pemain dan umum, juga ruang untuk keselesaan perniagaan, perdagangan pameran dan *public/player catering*.

"Malah, gelanggang pertunjukan tetap atau gelanggang kaca khas juga perlu digunakan untuk perlawanan suku akhir, separuh akhir dan akhir," jelasnya.

Beliau memberitahu, kejohanan tersebut juga bakal memperoleh liputan menyeluruh seluruh dunia.

# KN tunai janji, rakyat dapat manfaat - KM

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JURU –** Kerajaan Negeri tidak akan menindas rakyat untuk menambah sumber kewangan negeri sebagaimana yang berlaku di sesetengah kawasan.

Kenyataan tersebut ditegaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Pecah Tanah Pasar Awam Perkampungan Juru di sini baru-baru ini.

"Di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) sentiasa peka dengan masalah dihadapi rakyat dihimpit kos kehidupan yang semakin meningkat kini.

"Kerajaan Negeri tetap meneruskan skim bantuan emas di samping mengekalkan tarif cukai pintu dan tanah, tarif air dan tarif lesen perniagaan untuk kesejahteraan rakyat di sini," kata beliau.

Mengulas lanjut mengenai usaha naiktaraf Pasar Awam Perkampungan Juru dari struktur sementara sebelum ini, Guan Eng menyatakan bahawa komitmen tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri menunaikan janjinya.

"Projek ini adalah bukti Kerajaan Negeri tidak hanya bercakap kosong tanpa mengotakan janjinya walaupun selepas menang pilihanraya.

"Kekangan kewangan bukanlah satu alasan untuk kita (Kerajaan Negeri) melupakan janji kepada rakyat.

"Apabila kita (Kerajaan Negeri) menunaikan janji, yang akan mendapat manfaatnya adalah rakyat sendiri," ujarnya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Tan Cheong Eng (Ahli Majlis bagi MPSP).

Dalam pada itu, menurut Maimunah, konsep pasar awam yang bakal siap sepenuhnya pada 30 April ini mempunyai elemen bangunan hijau yang menepati slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, dua dari kiri) menunjukkan pelan naiktaraf Pasar Awam Perkampungan Juru kepada Ketua Menteri pada majlis pecah tanahnya di sini baru-baru ini.**

"Ia akan dilengkapi dengan *grease trap* yang membolehkan sisa-sisa buangan dan minyak diproses dengan baik dan mengelakkan ia (sisa) mengalir ke dalam parit.

"Oleh itu, peniaga diingatkan supaya tidak membuat sendiri sinki tambahan, sebaliknya memohon kelulusan daripada MPSP supaya konsep hijau tidak diabaikan," kata Maimunah.

Tambah Maimunah, MPSP telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk menaiktaraf pasar awam dan kompleks makanan dan RM1.8 juta untuk tujuan penyelenggaraan pada tahun ini.

## Perkasakan Amar Makruf Nahi Mungkar - Rashid

**BAYAN BARU –** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon jelas merupakan antara pemimpin Islam yang perlu dicontohi apabila mampu mengimamkan solat Jumaat dan berkhutbah pada minggu kedua bulan Januari 2014 di Masjid Umar Al-Khattab Bayan Baru di sini baru-baru ini.



**MOHD. Rashid Hasnon ketika menyampaikan khutbah di mimbar Masjid Umar Al-Khattab Bayan Baru di baru-baru ini.**

Katanya, usaha memperkasakan Amar Makruf Nahi Mungkar ini harus dipandang serius umat Islam memandangkan masyarakat hari ini dilihat begitu 'berpenyakit'.

"Apabila mempraktikkan Amar Makruf Nahi Mungkar, kita akan berasa takut untuk melakukan sesuatu kesalahan yang membelakangi suruhan Islam.

"Saya juga menyeru supaya umat Islam menggunakan kuasa yang ada dari selemah-lemah iman dengan membenci menerusi hati hingga mengambil tindakan sewajarnya melalui kuasa yang ada dalam melawan kemungkaran," jelasnya di mimbar Jumaat baru-baru ini.

Tambah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak itu, apabila perkara seperti berikut dilaksanakan, secara automatiknya umat Islam akan dapat melahirkan masyarakat yang baik dan disegani ramai serta dijadikan contoh tauladan.

Selesai menunaikan solat, beliau sempat beramah-mesra bersama jemaah-jemaah lain.

## CSR korporat suntik nafas baru taman rekreasi

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**





**KEADAAN di Taman Rekreasi Anjung Bagan yang selesa dan sedap dipandang.**

**BAGAN JERMAL –** Pihak pemaju, *Tan Wah Group* (TWG) menyahut seruan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya untuk mengindahkan kawasan rekreasi Anjung Bagan di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam pada itu merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MPSP dan Pengarah TWG, Datuk Hong Yeam Wah ekoran kejayaan menaiktaraf kawasan rekreasi Anjung Bagan dengan kos RM350,000.

"TWG telah mengambil inisiatif menaja bagi menjana imej baru Anjung Bagan melalui 'projek anak angkat' yang dimulakan sejak 26 Disember 2012," ujarnya pada Majlis Perasmian Anjung Bagan di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, sihat dan selamat, maka negeri ini dilihat harus memiliki kawasan serta tempat berlandskap menarik dan cantik.

"Secara tidak langsung, ini akan menjadi daya penarik kepada pelbagai kegiatan sosial dan ekonomi lantas dengan itu, saya juga menyeru orang ramai supaya memelihara kehijauan tempat ini serta menjaga peralatan di sini seperti harta benda kita sendiri," jelasnya yang juga merupakan Ahli Parlimen Bagan.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif menyatakan bahawa antara komponen dinaiktaraf adalah sebahagian kolam yang telah ditambun dan ditanam rumput, pemasangan 10 lampu taman, rupa bentuk arca sauh, empat unit *outdoor gym*, wakaf, landskap baru serta membaiki air pancutan sedia ada.

Mengulas lanjut, Maimunah menyatakan bahawa MPSP telah membelanjakan RM800,000 untuk tujuan menaiktaraf taman kejiranan serta memperuntukkan RM423,723.55 bagi menyelenggara serta membaiki alat-alat permainan di Seberang Perai bagi tahun 2013.

Tambah Maimunah, selain kawasan rekreasi, MPSP turut mencari pihak berminat untuk menjalankan CSR ke atas 29 lagi lokasi landskap yang belum ditaja oleh mana-mana pihak kini.

Pihak yang berminat boleh menghubungi MPSP bagi menyumbang kepada penambahbaikan landskap di kawasan Seberang Perai.

# 7 dipilih muktamad draf rancangan kawasan khas



KETUA Menteri ditemani Mohammad Yusoff Wazir (empat dari kiri) bersama Ahli Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Mengenai Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera menunjukkan draf rancangan khas berkenaan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Tujuh individu dari pelbagai latar belakang dilantik menganggotai Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Mengenai Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Mereka, Yap Soo Huey (Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Tikus), Abdul Wahab Deraman (Pengarah Perhutanan Negeri), Stewart James Henchie (Kurator Taman Botani), Dr. Francis Loh (Presiden Aliran), Ar. Parama Nathan (Pengerusi Perbadanan Arkitek Malaysia, Pulau Pinang) dan Carol Lim (wakil komuniti Bukit Bendera)

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk Mohammad Yusoff Wazir akan mempengerusikan jawatankuasa itu.

"Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri telah melantik seramai tujuh orang jawatankuasa siasatan dan pendengaran awam yang terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan Negeri, NGO (pertubuhan bukan kerajaan), profesional yang mempunyai ilmu, pengalaman serta berkaliber dalam mengendalikan proses siasatan dan pendengaran awam.

"(Jawatankuasa ini) membuat syor bantahan yang mana diambil kira dalam memuktamadkan draf rancangan kawasan khas sebelum dibawa ke Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa negeri yang dipengerusikan oleh saya," ujarnya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Pada 14 November hingga 10 Disember tahun lepas, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa bekerjasama dengan Perbandanan Bukit Bendera (PBBPP) menganjurkan program publisiti dan penyertaan awam bagi draf kawasan khas di situ.

Guan Eng berkata, penganjuran program itu berdasarkan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.

Pameran awam diadakan di ruang bawah Bukit Bendera, serentak dekat Aras Tiga, Komtar di sini.

Sebanyak 27 borang bantahan diterima sepanjang kira-kira empat minggu program publisiti dilangsungkan.

Selepas itu, Guan Eng berkata, suatu pendengaran awam pula diadakan berdasarkan Seksyen 14 akta sama bagi menerima cadangan-cadangan orang awam untuk draf rancangan kawasan khas Bukit Bendera.

Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam yang baru ditubuhkan itu antara lain untuk tujuan meneliti kesemua bantahan serta membuat syor kepada Kerajaan Negeri.

## TKM1 hargai peranan kontraktor Bumiputera Negeri




MOHD. Rashid Hasnon (kanan) menerima cenderamata daripada Tahir Jamaluddin Hussain ketika merasmikan Majlis Makan Malam PERKOBF di sini baru-baru ini.

**BAYAN BARU-** Projek mega sekalipun hanya akan berjaya dan sempurna di Pulau Pinang sekiranya mendapat partisipasi tidak berbelah-bahagi daripada kontraktor kecil Bumiputera yang berwibawa di negeri ini.

Atas maksud itu, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menyumbang RM10,000 untuk tujuan kebajikan anggota-anggota Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) Pulau Pinang.

"Oleh kerana kontraktor perlu memainkan peranan mereka dengan baik dan mengambil tanggungjawab mereka.

"Maka, Kerajaan Negeri juga akan membantu kontraktor kerana kami sendiri merancang untuk menganjurkan pelbagai bengkel kemahiran," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat semasa merasmikan Majlis Makan Malam PERKOBF di sini baru-baru ini.

Presiden PERKOBF Pulau Pinang, Tahir Jamaluddin Hussain turut berucap pada majlis jamuan malam itu.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Ang Aing Thye serta tiga Ahli Majlis lain, iaitu, J. Francis, Iszuree Ibrahim dan Foaz Hamid.

Mohd. Rashid berkata, kontraktor Bumiputera yang berwibawa akan senantiasa mencari jalan untuk memajukan diri serta perniagaan mereka dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Rashid berkata, Pulau Pinang bertuah kerana industri pembinaan pada tahun 2012 meningkat sebanyak 15.4 peratus, diikuti, peningkatan sebanyak 14.7 peratus pada separuh pertama tahun lepas.

"Pada tahun 2012 sahaja, MPPP mengeluarkan 47 sebut harga dengan jumlah nilai RM4.821juta, manakala, pada tahun 2013, angka itu meningkat kepada 57 sebut harga dengan jumlah nilai RM7.015 juta," ujar Mohd. Rashid lagi.

Perkembangan terbaru ini membayangkan Kerajaan Negeri dan kontraktor Bumiputera saling bekerjasama untuk memajukan industri pembinaan di negeri ini.

## Sistem keretapi efisien tambah pelancong Bukit Bendera

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



KERETAPI furnikular Bukit Bendera.

**BUKIT BENDERA –** Perbadanan Bukit Bendera (PHC) mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya menarik sejumlah 1,233,556 pelancong ke lokasi peranginan tersebut sepanjang tahun lalu.

Angka tersebut jelas menunjukkan peningkatan jumlah pelancong berbanding tahun 2012 iaitu seramai 1,204,556 orang sejak sistem keretapi furnikular baru diperkenalkan pada tahun sebelumnya (2011).

Pengurus Pemasaran dan Promosi PHC, Baharin Annuar Abu Bakar turut menyatakan bahawa, 'Puncak Pulau Mutiara' tersebut turut mencatatkan peningkatan kadar kehadiran pelancong musim cuti sekolah dari 227,839 orang pada 2012 kepada 280,205 (2013).

"Dari jumlah besar 1,233,556 yang dicatatkan, 26.05 peratus adalah pelancong asing dan angka tersebut meningkat sebanyak 11.56 peratus berbanding tahun 2012.

"Bagi taburan purata kehadiran pelancong secara bulanan, Bukit Bendera mencatatkan seramai 102,793 orang bagi tahun 2013," jelasnya pada sidang media pegumuman penutupan sistem furnikular bagi penyelenggaraan berkala di sini baru-baru ini.

Tambah Baharin Annuar, jumlah yang direkodkan itu tidak termasuk jumlah pelancong bagi projek tanggungjawab korporat sosial (CSR) melibatkan rumah kebajikan, anak yatim dan warga emas.

"Peningkatan ketara ini dianggarkan berikutan penaiktarafan sistem keretapi furnikular yang lebih efisien bagi memudahkan pelancong untuk naik dan turun ke puncak bukit dengan lebih cepat sekaligus mendekatkan lagi dengan visi PHC dalam menjadikan Bukit Bendera antara lokasi percutian tanah tinggi terbaik di negara ini" ujarnya.

Beliau memberitahu, kadar keberoperasian furnikular juga mencatatkan peratusan amat memberangsangkan dengan 99.46 peratus pada 2013 berbanding 98.98 pada 2012 melibatkan perjalanan sejauh 48,702.4 kilometer pada perjalanan sehala (1996 meter).

"Walalupun dilihat prestasi PHC cukup memberangsangkan pada tempoh dinyatakan, namun kami (PHC) bertekad meningkatkan kadar kemasukan pelancong ke puncak Bukit Bendera dengan menggerakkan lagi promosi dan aktiviti dari semasa ke semasa.

"Bagi menjamin kelangsungan dan kelancaran operasi 'nadi' Bukit Bendera, sistem furnikular di sini ditutup buat sementara waktu pada 6 hingga 14 Januari lalu bagi membolehkan servis berkala dilaksanakan," jelas Baharin Annuar.

# Exco nekad saman fitnah jika akhbar enggan mohon maaf



LIM Hock Seng (kiri) serta Jagdeep Singh Deo menunjukkan laporan polis dan Notis Tuntutan Guaman pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Syarikat akhbar, Utusan Melayu (M) Berhad menerima satu notis Tuntutan Guaman gara-gara menyiarkan berita 'Lelaki dakwa dipukul wakil rakyat DAP' pada 22 Disember tahun lepas yang didakwa mengfitnah Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dalam satu kenyataan menyokong Hock Seng berkata, pihak akhbar mesra UMNO Barisan Nasional (BN) itu diberi masa selama tujuh hari untuk melaksanakan segala tuntutan-tuntutan berwajib atau bersedia menghadapi saman fitnah di mahkamah nanti.

"Satu Notis Tuntutan telahpun dihantar secara faks dan pos kepada syarikat tersebut, memohon mereka menarik balik perkataan tersebut tanpa syarat, memohon maaf kepada YB Tuan Lim Hock Seng dalam tempoh satu minggu bermula hari ini (6 Januari 2014) dan membayar kepada beliau (dalam) satu jumlah ganti rugi yang dipersetujui bersama," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, laporan akhbar arus perdana itu seakan berniat jahat kerana menyebut secara khusus nama Hock Seng.

Sebelum itu, Hock Seng berkata, beliau pada 23 Disember 2013 telah membuat laporan polis ke atas penama G. Padadase dan syarikat tersebut berhubung berita fitnah tersebut.

"Selepas laporan polis itu dibuat (oleh G. Paradase), IO (Pegawai Penyiasat) langsung tidak menghubungi saya. Saya sendiri pergi berjumpa Inspektor Mustafa (IO) untuk membuat laporan polis.

"Kalau laporan (G. Paradase) itu adalah tidak benar, saya meminta polis mengambil tindakan kerana (G. Paradase) membuat laporan palsu terhadap saya," tegasnya yang juga ADUN Bagan Jermal.

Hock Seng akan diwakili oleh peguam Muhammad Arif Shaharuddin dari firma guaman Karpal Singh & Co..

# Surau baru untuk pengunjung Padang Kota Lama

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan sejumlah RM175,200.00 bagi membina sebuah surau di Padang Kota Lama, baru-baru ini di sini.

Surau berkeluasan 150 meter persegi tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ruang solat lelaki dan wanita yang mampu menampung kapasiti sejumlah 35 orang pada satu-satu masa.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim ketika lawatannya berkata, lokasi surau tersebut dipilih kerana berhampiran dengan tempat riadah.

"Lokasinya yang berhampiran dengan Dewan Sri Pinang, Padang Kota Lama dan Medan Selera Renong akan memudahkan orang ramai beribadat sambil beriadah.

"Pengunjung akan mempunyai ruang yang selesa untuk sembahyang. Namun, saya memohon jasa baik MPPP supaya menambahkan kelengkapan sedia ada seperti sejadah telekung dan sebagainya agar ia lebih sempurna," ujar di sini baru-baru ini.

Surau tersebut turut dilengkapkan masing-masing dengan tempat wudhuk bagi lelaki dan wanita serta tandas lelaki, wanita dan untuk orang kurang upaya (OKU).



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) ditemani kakitangan MPPP meninjau kelengkapan surau yang baru siap dibina di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

BULETIN MUTIARA



BULETIN MUTIARA

KEADAAN surau yang bersih dan selesa.

# KN tindak proaktif insiden mati lemas

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENANTI –** Kerajaan Negeri akan meminta kebenaran Jabatan Perhilitan untuk menaikkan papan tanda larangan mandi laut supaya insiden terbaru dua remaja mati lemas di Hutan Simpan Pantai Kerachut dekat Teluk Bahang tidak lagi berulang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa melawat rumah keluarga Allahyarham Ku Muhammad Ilyas Ku Abdul Halim, 19, di sini baru-baru ini.

"Lebih baik kita melarang terus pengunjung dari mandi di kawasan berbahaya itu walaupun sangat cantik pemandangan air lautnya.

"Kita akan minta izin daripada Kerajaan Pusat untuk membikin sendiri papan tanda larangan (mandi) ini," ujarnya sambil menyerah sumbangan ihsan kepada ayah Allahyarham, Ku Abdul Halim Ku Muhammad Tahar.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti), Zolkifly Md. Lazim (Presiden D'BM Hospital) dan Zulkeply Ishak (Presiden Persatuan Muafakat Kesejahteraan Rakyat Pulau Pinang, PERMUAFAKAT) turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum itu, abang Allahyarham, Ku Haslam Ku Abdul Halim, 24, berkata, tiada suatu larangan yang jelas di kawasan kejadian melainkan bendera merah dan papan tanda yang tertulis 'mandi atas risiko sendiri'.

"Kalau kita lihat di situ, permukaan laut yang tenang dan pantai yang sangat cantik walaupun perut lautnya bergelora.

"Jadi, tak mustahillah kita pun tertarik nak mandi di situ," ujar Ku Haslam.

Pada hari kejadian sekitar jam 4.17 petang, Ku Muhammad Ilyas dan empat lain dihayut dek ombak yang kuat semasa mandi di situ.

Ashwanpaljit Singh Charnjit Singh, 22, dan P.Yogambigai, 24, turut mati lemas, manakala, Nur Hayati Nasrul, 22, dan Nurul Ain Nabilah Mokthar, 21, berjaya diselamatkan.




**KETUA Menteri dan Phee Boon Poh (lapan dari kiri) dan tetamu lain mendengar penjelasan Ku Haslam Ku Abdul Halim (dua dari kiri) mengenai insiden di Pantai Kerachut yang meragut nyawa adiknya di sini baru-baru ini.**

## Taman Macallum, taman kejiranan usaha MPPP

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terus memperkasakan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar yang aktif dan interaktif melalui program-program rekreasi yang bersifat bersih, hijau, sihat dan selamat di taman-taman rekreasi awam di negeri ini.

Terbaru, dengan peruntukan kos sekitar RM139,200.00, MPPP secara proaktifnya menyempurnakan sebuah lagi taman iaitu Taman Kejiranan Macallum dengan keluasan 15,101.70 meter persegi sekaligus menjadikan taman berkenaan sebagai taman kejiranan keempat yang diusahakan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan banjir, Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan majlis terbabit berkata, MPPP kini giat menghijaukan seluruh Pulau Pinang dengan penanaman pokok-pokok teduhan dalam usahanya menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri dalam taman.

"Syabas kepada MPPP kerana mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar aktif dan interaktif melalui projek-projek penghijauan.

"Taman-taman ini bukan sahaja memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk bersenam dan berekreasi bersama keluarga, malahan, turut membuka ruang kepada masyarakat setempat untuk memupuk perasaan kasih sayang, persefahaman dan kecintaan di antara satu sama lain," ujarnya pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Macallum di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPPP.

Terdahulu pada tahun 2013, MPPP telahpun membina lima buah Taman Poket iaitu Taman Jesselton, Taman Loh Poh Heng, Taman Jalan Anson, Taman Jalan Penang dan Taman Medan Nipah.

Manakala, empat buah Taman Kejiranan iaitu Taman Beriksa, Farlim, Taman Pekaka, Taman lebuh Nipah 2, dan Taman Macallum.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menyeru orang ramai agar menggunakan kemudahan di taman tersebut dengan sebaik-baiknya.

"Sama-samalah kita menjaga kebersihan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di taman ini.

"Saya yakin, jika orang ramai menggunakannya sebaik mungkin dan bekerjasama dengan MPPP, maka Taman Kejiranan Macallum ini akan menjadi taman contoh yang terbaik di Pulau Pinang. Tidak mustahil!" tegasnya.



**ANTARA kemudahan di Taman Kejiranan Macallum.**

## Hotel 'warisan' harap mampu tambah pelancong

**GEORGE TOWN –** Pembukaan Hotel Armenian Street Heritage di Lebuh Carnovan diharapkan akan menarik lebih ramai lagi pelancong ke Tapak Warisan Dunia George Town.



**RUPA bentuk Hotel Armenian Street Heritage di Lebuh Carnovan.**

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, istimewanya hotel tersebut adalah kerana menawarkan 92 bilik pelbagai saiz dilengkapi dengan seni bina serta aksesori yang mempunyai nilai warisan sejarah tidak ternilai.

"Hotel ini adalah salah satu daripada 1,700 bangunan yang berdiri dalam keunikan. Nilai sebenar aura sejarah George Town adalah terlalu unik untuk ditentukan.

"Pembukaan ini akan menambahkan lagi bilangan pelancong dan pengunjung ke Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Hotel Armenian Street Heritage di sini baru-baru ini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Mark Lankester (Ketua Eksekutif Kumpulan Hotel Tune) dan Datuk Yong Chai Seng (Pengerusi Hotel Armenian Street Heritage) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, tiga ahli lembaga pengarah Hotel Armenian Street Heritage, Datin Lau Geok Choon, Ir. Dr. Koh Hwa Cheah dan Ting Tin Siang.

Guan Eng yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, penginap hotel tersebut turut boleh menikmati pemandangan indah yang sebenar di sekitar George Town.

"Malahan, ia berdekatan dengan Muzium Warisan, kuil, kedai-kedai makan dan lukisan-lukisan jalanan oleh artis, Ernest Zacharevic yang terkenal di dunia.

Ini adalah penginapan yang tepat," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan hotel tersebut kerana menyediakan ruang di tingkat dua untuk kegunaan George *Town World Heritage Incorporated* (GTWHI).

Ruang itu, nyatanya, diharap dapat dijadikan ruang pameran model terbesar kawasan warisan kepada pelancong, orang awam dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Tapak Warisan Dunia George Town.

# Produk pelancongan menarik, Negeri diiktiraf dunia

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Pulau Pinang sekali lagi diiktiraf pada kedudukan ketiga sebagai destinasi pilihan terbaik dunia untuk para pesara, lapor Indeks Persaraan Global dipetik dari portal antarabangsa "*http://www.huffingtonpost.com/internationallivingcom/best-places-to-retire_b_4536719.html*" \t "_blank" *huffingtonpost.com*.

Sebelum ini, Pulau Pinang pada tahun 2012 pernah diiktiraf sebagai bandar yang paling sesuai untuk didiami di negara ini serta ke-lapan daripada 40 negara paling sesuai didiami di Asia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang hanya berada sedikit di belakang Panama dan Ecuador dekat Amerika Latin.

"Di antara tempat-tempat itu, Malaysia berada (pada kedudukan) nombor tiga dunia, iaitu Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

"Saya rasa Pulau Pinang memang negeri yang Hijau, Bersih, Sihat dan Selamat sehingga dikenali sekali lagi sebagai salah satu bandar raya yang menjadi pilihan untuk para pesara (dari) seluruh dunia," ujarnya di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sempena istiadat Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Ahli Majlis MPSP Sesi Tahun 2014 yang diadakan serentak dengan pelancaran *Coffee Table Book* bertajuk *Seberang Perai Discovering The Hidden Pearl of Penang*.

Portal "*http://www.huffingtonpost.com/internationallivingcom/best-places-to-retire_b_4536719.html*" antara lain menyebut, Pulau Pinang diiktiraf kerana mempunyai produk pelancongan menarik seperti stesen kereta kabel Bukit Bendera beriklim sejuk, bukit-bukau dan pulau-pulau indah serta kawasan bersejarah tinggalan kolonial British.

Portal antarabangsa itu turut melaporkan, kediaman indah menghadap laut di beberapa tempat boleh disewa dengan harga AS$1,700 sebulan, ada yang serendah AS$1,000 sebulan.

Tambah laporan itu, infrastruktur di sini adalah kelas pertama dengan akses internet yang baik dan sebagainya.

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menerima kunjungan hormat Duta Poland di Malaysia, Adam Wacław Jelonek dekat pejabatnya di sini.

Mereka, antara lain berbincang mengenai hubungan strategik di kedua-dua negara, terutama dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan.

"Kebersihan dan kehijauan negeri ini diharap dapat menarik lebih ramai pelancong dari Poland ke negeri ini," ujarnya selepas menerima cenderamata kenang-kenangan daripada wakil Poland di sini.

Kunjungan hormat itu turut disertai beberapa tetamu lain, antaranya Ma Ni Sha Lynn, Kalpana Devi, Datuk Suppiah Manikam dan Gurdial Singh.



**(Dari kiri), MA Ni Sha Lynn, Kalpana Devi, Suppiah Manikam, Adam Wacław Jelonek, Ketua Menteri dan Gurdial Singh bergambar kenang-kenangan pada lawatan rasmi di sini baru-baru ini.**



**SADAYUKI Sakakibara (kiri sekali) dan isteri masing-masing berjabat tangan dengan Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) serta isteri selepas selesai majlis anugerah dan pingat kebesaran di sini baru-baru ini.**

# Pengerusi Toray terima pingat

Oleh: **SUK PULAU PINANG**

**GEORGE TOWN** - Pengerusi Perbadanan Perindustrian Toray Malaysia (Toray), Datuk Sadayuki Sakakibara antara individu yang mengisi senarai penerima anugerah dan pingat kebesaran daripada Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dekat kediamannya di sini baru-baru ini.



**ABDUL Rahman Abbas (kanan) memakaikan pingat kepada Sadayuki Sakakibara.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir pada majlis penuh istiadat itu.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang, barisan Exco Kerajaan Negeri serta ADUN-ADUN.

Difahamkan, penganugerahan itu sebagai menghargai partisipasi Toray memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama sejak tahun 1973.

Selama 40 tahun itu, industri dari Jepun itu giat beroperasi dalam empat bidang perniagaan utama, iaitu gentian poliester, tekstil, resin plastik dan filem poliester.

Sepanjang tempoh itu, difahamkan, Toray melakukan pelbagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR), antaranya di Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya (RM2.5 juta pada tahun 1982), papan elektronik di Stadium Batu Kawan (RM6 juta pada tahun 1999), menubuhkan Yayasan Sains Toray (1993) dan menubuhkan Pusat Pemindahan Pengetahuan Toray di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 10 April 2013.

# Rashid penjaring gol terbanyak futsal Fairchild

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS** - Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menyatakan bahawa polisi baru yang dibawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) semenjak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008 jelas membawa perubahan ketara dalam sektor industri di sini.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika merasmikan gelanggang futsal baru kilang pembuatan kompenan semikonduktor elektronik, Fairchild Semiconductor Sdn. Bhd (Fairchild) di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

"Berasaskan penekanan kepada prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), polisi ini sememangnya merancak dan memberi tambah nilai yang baik kepada penggiat industri khususnya pembuatan di negeri ini.

"Malah, keyakinan pelabur asing untuk datang melabur ke Pulau Pinang jelas memberikan peluang menarik kepada tenaga mahir tempatan, tambahan pula negeri ini tersenarai antara tempat terbaik untuk diduduki selain pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia UNESCO," katanya pada majlis perasmian tersebut di sini baru-baru ini.

Serentak itu, Mohd. Rashid turut merasmikan sebuah padang *turf* untuk kegunaan sukan futsal yang bernilai RM60,000.

Turut diadakan adalah perlawanan persahabatan antara pasukan Pejabat Timbalan Ketua Menteri I menentang pengurusan Fairchild.

Kelincahan Mohd. Rashid yang berjaya menjaringkan enam gol (penjaring terbanyak) berjaya meletakkan pasukan beliau sebagai juara perlawanan.

Dalam pada itu, pada satu sesi soal jawab, beliau juga sempat menjawab beberapa soalan dikemukakan pelatih jurutera kilang berkenaan antaranya berhubung isu hartanah, pengangkutan awam serta polisi Kerajaan Negeri.




**KAKITANGAN Fairchild tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama-sama Mohd. Rashid Hasnon (berkot) pada Majlis Perasmian Gelanggang Futsal Baru Fairchild di sini baru-baru ini.**

# Tukar sampah jadi duit - Maimunah

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM** - Seramai 34 penduduk menubuhkan Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong dan menyertai Bengkel Kitar Semula Kreatif anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama SVAC ViroGreen Sdn. Bhd. (SVAC) di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, bengkel selama 14 hari itu diharap memberi latihan dan pengalaman kepada para peserta untuk mengguna semula pembungkus plastik tidak dapat dikitar semula untuk dijadikan beg, hasil anyaman dan aksesori yang nyata boleh membawa pulangan wang ringgit.

"Dengan tertubuhnya Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong, saya berharap penduduk boleh menjalankan satu perniagaan dengan menukarkan sampah menjadi wang dan bukan sekadar sebagai hobi sahaja," katanya di majlis penutupan bengkel tersebut di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Moorthi Karthikesan (Pengarah Urusan SVAC), Dr. A. Sajidas (Pengarah Urusan *BIOTECH Renewable Energy Pvt. Ltd.*) dan Dr. M. A. Hakim (Pengerusi Al-Hakim Group) turut hadir pada majlis tersebut.

Maimunah berharap, koperasi tersebut dapat bersama-sama MPSP mempromosi 4R, iaitu *Rethink* (fikir semula), *Reduce* (kurangkan), *Reuse* (guna semula) dan *Recycle* (kitar semula) dalam komuniti Seberang Perai.

Dalam perkembangan sama, Maimunah berkata, RM8.6 juta dana MPSP telahpun dibelanjakan sepanjang tahun lepas untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung dekat Seberang Perai Selatan (SPS).

Itu, katanya, tidak termasuk perbelanjaan kos pekerja, petrol dan penyelenggaraan kenderaan.

Tambah beliau, sebanyak 230,728.18 tan sampah adalah sisa domestik yang boleh dikitar semula.

Justeru, beliau berharap pertubuhan ini dapat meneruskan kempen kitar semula seperti kebun kejiranan dan aktiviti pengkomposan demi mengurangkan perbelanjaan pengurusan pepejal ditanggung MPSP kelak.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kiri) meneliti hasil produk yang dibuat daripada barangan kitar semula pada Majlis Penutupan Bengkel Kitar Semula Kreatif di sini baru-baru ini.

Terdahulu, seramai 56 orang penduduk Permatang Nibong melibatkan diri dalam program *CIMB-Community Link* di mana sebanyak 1,120 kg sisa makanan berjaya dikutip untuk dikomposkan.

# GPS untuk pelihara pokok gaharu

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh mencadangkan supaya sistem *Global Positioning System* (GPS) diimplementasikan bagi mengelak kes kecurian pokok gaharu atau nama saintifiknya, *Aquilaria Malaccensis* yang mempunyai nilai pasaran tinggi di sini.



PARA peserta sedang menanam pokok gaharu bersempena Program Penanaman Pokok Gaharu di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Kata beliau, melalui inisiatif tersebut, pihak berwajib dapat memantau sama ada pokok berkenaan telah ditebang, dicuri ataupun sebaliknya, malah, tindakan segera juga dapat diambil.

"Ini adalah untuk terus memelihara pokok gaharu daripada ancaman penebang pokok haram yang meraih keuntungan hasil daripada jualan.

"Pokok gaharu lazimnya mempunyai nilai tinggi di pasaran kerana semua bahagian pokok dari batang, kulit, daun, bunga dan rantingnya dapat dijual serta dijadikan sebagai minyak wangi, ubat-ubatan, kosmetik ataupun alatan sembahyang," katanya ketika menjayakan Program Penanaman Pokok Gaharu di Taman Perbandaran *(Youth Park)* di sini baru-baru ini.

Pada penganjuran tersebut, sejumlah 450 anak pokok gaharu ditanam di sekitar kawasan Taman Perbandaran di sini hasil kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kelab Lions Tanjung & Georgetown, Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jabatan Perhutanan Negeri dan 20 NGO lain.

Hadir sama, Presiden Kelab Lions Tanjung, Ln Choo Eng Hin dan Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Menurut Eng Hin, selain menjaga ekosistem pokok gaharu agar terus terpelihara, projek penanaman tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan sumber pokok serta kualiti udara.

"Penanaman ini akan meningkatkan kualiti udara melalui penyerapan dan penapisan dengan nilai pulangan yang tinggi pada masa hadapan.

"Ianya adalah sesuai dengan misi Kelab Lions iaitu 'Berkhidmat' untuk masyarakat tempatan dan melindungi planet (alam sekitar) ini'," ujar beliau.

## Taman Pandan perintis polisi *Segregation At Source*

**BUTTERWORTH -** Seberang Perai dipilih sebagai salah satu bandar raya di Asia untuk projek perintis *Climate and Clean Air Coalition* (CACC) Bank Dunia, selain Dhaka, Bangladesh dan Hanoi, Vietnam.

Justeru, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif melahirkan rasa bangga dengan penglibatan komuniti Taman Pandan di sini dalam Program Pengurusan Sisa Organik bersama-sama CACC.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung kuning) dan Tan Ah Kuang (kiri sekali) bersama-sama komuniti Taman Pandan mengasingkan sisa organik sebagai simbolik pelancaran Program Pengurusan Sisa Organik bersama-sama CACC di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, penglibatan itu adalah projek kajian perintis yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi mengubal polisi *Segregation At Source*.

"Di Seberang Perai, tiga lokasi yang dipilih adalah *Park View*, Pangsa PPR Ampangan dan Pangsapuri Taman Pandan.

"Pemilihan Taman Pandan ini merupakan satu pilihan yang tepat memandangkan komuniti di sini memang aktif dalam program seperti pengkomposan, kitar semula dan lain-lain sejak tahun 2002 lagi," ujarnya pada majlis perlancaran tersebut di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Tan Ah Kuang (Naib Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan) turut hadir pada majlis itu.

Menerusi projek kajian perintis ini, Maimunah berkata, suatu garis panduan penyediaan dasar, teknologi, kewangan dan penyertaan pihak swasta akan dihasilkan.

Tambahnya lagi, hasil kajian itu turut akan dibentangkan dalam satu jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu, sebelum dipraktikkan oleh MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

"Setelah hasil kajian dibentangkan, kita akan mendapat ciri-ciri profil yang diperlukan.

"Daripada data-data yang dikumpul, jawantankuasa tersebut akan menggubal dasar dan mewujudkan satu undang-undang baru mengenai pengurusan sisa pepejal," jelasnya.

Dalam pada itu, Boon Poh berkata, program perintis tersebut patut dijadikan batu loncatan untuk mengubah gaya hidup komuniti supaya lebih menjaga alam sekitar.

"Keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang ini berpunca daripada sikap manusia yang tidak mementingkan alam sekitar.

"Masih belum terlambat untuk kita mengubah situasi ini...saya harap program perintis ini dapat diteruskan sebagai amalan dalam kehidupan harian kita," tegas Boon Poh.

# *City Walk 1.1.14* capai sasaran penyertaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mencipta sejarah tersendiri apabila panganjuran *City Walk 1.1.14* yang berlangsung pada hari pertama tahun baru mencapai sasaran dengan lebih 7,000 penyertaan secara keseluruhannya.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, program tersebut adalah sebagai galakkan amalan gaya hidup sihat seiring slogan yang dilaung-laungkan Kerajaan Negeri iaitu, Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Ini adalah permulaan tahun baru yang sihat dengan amalan gaya hidup sihat. Ianya adalah permulaan yang baik untuk tahun baru ini.

"Dalam masa sama, program ini dirancang bagi meningkat dan mengeratkan ikatan kekeluargaan serta masyarakat setempat yang berbilang kaum dan agama," ujarnya pada penganjuran tahun kedua *City Walk 1.1.14* di Lebuh Pantai baru-baru ini di sini.

Hadir sama memeriahkan majlis Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Keluarga dengan disertai kanak-kanak, ibu bapa dan warga tua tidak ketinggalan berjalan dan berhibur beramai-ramai di laluan sepanjang 5 kilometer melalui keunikan kawasan landskap Tapak Warisan Dunia George Town.



PERSEMBAHAN pancaragam sekolah turut memeriahkan penganjuran program.



SESI senamrobik antara aktiviti yang diadakan pada penganjuran program *City Walk 1.1.14* di sini baru-baru ini.

## Pakar jayakan Persidangan Serantau Asia GRB


TAN Pek Leng (dua dari kanan) menjelaskan kepentingan pelaksanaan GRB kepada Chong Eng (dua dari kiri) dan Teh Yee Cheu (kanan sekali) ketika pengumuman penganjuran Persidangan Serantau Asia GRB di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN–** Penganjuran Persidangan Serantau Asia Bajet Responsif Gender (GRB) bertemakan Transformasi Institusi, Pemberdayaan Komuniti yang bakal diadakan pada 24 dan 25 Februari ini adalah penting untuk menambah pengetahuan berhubung pelaksanaan GRB di peringkat awal di sini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, pelaksanaan tersebut dapat dicapai melalui perbincangan, penerangan dan diskusi.

"Imej sebuah bandar yang ke hadapan dan progresif adalah pra syarat utama dalam melaksanakan urus tadbir yang baik dalam kesaksamaan gender serta keadilan sosial.

"Arah tuju yang betul untuk mencapai matlamat pelaksanaan bajet partisipasi dan responsif gender adalah melalui pihak berkuasa tempatan serta Kerajaan Negeri itu sendiri," ujarnya pada pengumuman Persidangan Serantau Asia GRB di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu dan Ketua Eksekutif GRB, Tan Pek Leng.

Persidangan julung kali tersebut adalah hasil usahasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan agensi Pertubuhan Wanita Bangsa-bangsa Bersatu (*UN WOMEN*).

Persidangan dua hari tersebut bakal disertai oleh pakar dari serantau Asia dan Eropah termasuk perwakilan, penceramah dan pakar rujukan dari Nepal, India, Indonesia, Filipina, Korea, Jerman, Portugal serta Austria.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PWDC di ***grbconference@grb-pwdc.org.my*** untuk pendaftaran. Tempat adalah terhad.

## *Penang Run 2013/2014* lengkap kelilingi pulau


K. Baskaran (tengah) memegang trofi dan replika cek selepas menjuarai Kategori Lelaki Veteran pada penganjuran *Penang Run 2013/2014* di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran acara marathon, *Penang Run* akan diteruskan bagi sesi 2014/2015 ekoran kejayaan berlangsungnya acara tersebut bagi tahun 2013/2014 di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran seperti sukarelawan, logistik dan lain-lain, Kerajaan Negeri bertekad menamatkan kejohanan yang meliputi empat peringkat atau laluan tersebut.

"Malah, kami (Kerajaan Negeri) bakal meneruskan penganjuran bagi tahun ini dan tahun depan (2015)," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Para Pemenang *Penang Run 2013/2014* di sini baru-baru ini.

Penganjuran *Penang Run 2013/2014* adalah bermula pada Mei tahun lalu (2013) merangkumi empat laluan masing-masing sepanjang 21 kilometer (km).

Malah, acara berkenaan begitu unik apabila setiap peserta diwajibkan melengkapkan empat bahagian medal yang diperoleh pada setiap laluan sebelum diumumkan sebagai pemenang.

Menurut Chong Eng, bagi keseluruhan acara, enam pemenang dipilih iaitu Calvin Boon Chang Yik bagi Kategori Lelaki dengan catatan masa lima jam 19 minit dan 19 saat, Kategori Lelaki Veteran (K. Baskaran, lima jam 39 minit dan tujuh saat).

"Ng Sun Nee mengungguli Kategori Veteran Wanita dengan catatan masa enam jam 50 minit dan 11 saat, Kategori Wanita Terbuka (Ooi Yuu Mei, tujuh jam 33 minit dan 10 saat).

"Dua peserta antarabangsa, Tim Stelzer dan Ailyn Maglipon Arjona masing-masing menjuarai Kategori Lelaki dan Wanita Antarabangsa," jelas beliau.

# Ilmu menukang turun-temurun hasil perabot berkualiti

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**





BAHAN-bahan yang masih dalam pemprosesan.

**DIPERTURUNKAN** daripada arwah ayahnya.

Darah menukang lazimnya mengalir dalam keluarga pengusaha perabot, Suhaimi Mohamad, 44, yang kini mengusahakan perniagaan keluarganya di Kampung Permatang Tinggi, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Orangnya pendiam, namun penulis yang mengadakan lawatan ke bengkelnya terpegun melihat hasil kerja yang begitu halus dan unik.

Minat Suhaimi dalam bidang pembuatan perabot adalah disemai daripada ayahnya sehinggakan beliau mempelajari mata pelajaran seni perusahaan pertukangan ketika menuntut di tingkatan satu.

“Saya sering kali melihat arwah ayah membuat perabot sejak di bangku sekolah.

“Dari situ, saya nampak kayu perabot adalah satu keunikan sehingga mendorong saya terjerumus dalam bidang ini hingga kini,” katanya memulakan sesi temuramah bersama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Suhaimi yang dikurniakan empat cahaya mata memberitahu bahawa perabot pertama dihasilkan beliau adalah almari baju dan katil.

“Tidak perlu cuba banyak kali. Hasil tunjuk ajar ayah, sekali buat sudah menjadi!” jelasnya yang ketika itu berusia 18 tahun.

Perniagaan turun-temurun yang diwarisi sepenuhnya oleh Suhaimi sejak lebih 25 tahun lalu adalah bermula dengan perniagaan kecil-kecilan hasil titik peluh arwah ayahnya.

“Arwah merupakan tukang rumah, bekerja dengan orang.

“Namun, bila ada masa terluang, dia (arwah ayah) buat juga perabot seperti kabinet dapur, pintu, katil dan lain-lain berdasarkan permintaan yang datang,” jelas beliau.

Mengulas lanjut, Suhaimi memberitahu bahawa pasaran perabot beliau kini adalah tertumpu kepada kawasan sekitar Kepala Batas, SPU dan bahagian pulau di Balik Pulau, Teluk Kumbar dan Batu Feringghi.



SUHAIMI Mohamad.

Selain reka bentuk sendiri, Suhaimi turut menyatakan bahawa pelanggan boleh membawa ciri-ciri perabot sendiri untuk tujuan tempahan.

Sepanjang tempoh bergiat dalam bidang berkenaan, Suhaimi tidak menafikan bahawa cabaran utama yang dihadapi adalah hutang pelanggan.

“Kalau pelanggan tak bayar, apa boleh buat, kita boleh buat sabar sahaja,’’ keluh Suhaimi yang mana turut menyatakan bahawa harga barangan bekalan tidak menentu seperti kayu turut menjadi cabaran tidak dapat dielakkan.

Ditanya mengenai kualiti kayu kini berbanding dulu, Suhaimi tidak menafikan bahawa bekalan kayu kini adalah ‘lebih muda’ iaitu saiz ‘balak kecil’.

“Balak muda yang dipotong memiliki kualiti berlainan. Ia adalah lebih ringan, mudah diangkat dan apabila dipaku, paku adalah lebih mudah tercabut.

“Berbanding balak tua, ia adalah lebih keras dan berat,’’ katanya yang menggunakan jenis kayu meranti dan nyatoh dalam penghasilan perabot beliau.

Dalam pada itu, Suhaimi memberitahu bahawa kayu cengal hanya akan digunakan sekiranya terdapat permintaan khas daripada pelanggan.

Bagi perancangan masa depan, seperti peniaga-peniaga lain, beliau ingin memperbesarkan perniagaan sedia ada termasuk mendedahkan para pekerja dengan kemahiran diperlukan, meningkatkan modal sedia ada dan memiliki lokasi perniagaan yang lebih luas.

Sebagai seorang yang berpengalaman, Suhaimi menyatakan bahawa perabot dihasilkan beliau adalah lebih berkualiti dan bermutu tinggi.

Malah, beliau kini telah turunkan ilmu-ilmu pertukangan diwarisi kepada anak keduanya berusia 20 tahun yang mana turut berminat dalam bidang terbabit.

Mengulas mengenai bahaya bidang pertukangan, Suhaimi menjawab ringkas.

“Apa-apa kerja pun ada risiko, pergi ke laut pun ada risiko, alah bisa tegal biasa,’’ nyatanya sambil tersenyum.





ANTARA jenis perabot yang dihasilkan.

**INFO :**
**Suhaimi Gemilang Enterprise,**
**Kampung Permatang Tinggi C,**
**Kepala Batas.**
**019 – 570 8112**

# Roshannisa harap lasagna curi pasaran halal

**BELIAU** antara peserta yang mengisi 266 gerai pameran di Persidangan dan Pameran Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) Ke-5 selama tiga hari bermula pada 17 Januari lepas di Subterranian *Penang International Conference & Excibition* (sPICE) dekat Bayan Baru.

Bau bakaran 'lasagna' dekat gerai pameran G51 di sini cukup untuk membangkitkan perasaan untuk mencuba roti pizza tersebut.

Dari situ, membawa wartawan Buletin Mutiara (BM) **ZAINULFAQAR YAACOB** mewawancara pemilik *H'aNNiSa Bakes*, Puan Roshannisa Che Kassim, 40.

Roshannisa baru dua tahun terjun dalam dunia bakeri.

Sebelum ini, beliau bekerja makan gaji di sebuah firma perkapalan terkenal, selama hampir 20 tahun.

Selepas berpisah hidup dengan suaminya, beliau mengambil keputusan untuk terjun dalam dunia keusahawanan demi masa depan anak-anaknya.

Dua anak lelakinya masing-masing berusia 15 tahun dan tujuh tahun.

Manakala, anak sulung perempuan beliau berusia 18 tahun dan merupakan orang kurang upaya (OKU).

"Masa lebih terbatas jika kerja makan gaji, pilih untuk berniaga sendiri supaya saya mempunyai banyak masa untuk memberi tumpuan pada anak-anak, terutama kakak (OKU)," ujar Roshannisa baru-baru ini.

Selain lasagna, Roshannisa berkata, beliau turut *baking* dan memasarkan pelbagai jenis roti lain, antaranya sosej piza, keju mentega, *tiger-roll* dan tuna meyo.

Tidak cukup dengan itu, beliau turut menjadi pembekal bihun jenama Sufi, iaitu produk usahawan Bumiputera terkenal di Utara Semenanjung Malaysia.

Pendek kata, hidup bergelar ibu tunggal bukan mudah, tetapi, Roshannisa berkata, beliau senantiasa percaya dengan ketentuan Allah.

"Saya menjadi ayah dan ibu kepada anak-anak.

"Tiga kali saya gagal mendapatkan sumbangan daripada JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) untuk saya sebagai ibu tunggal, tetapi, Allah murahkan rezeki anak-anak saya melalui jalan berniaga ini.

"Alhamdulillah, dulu Allah tentukan saya menjadi ibu tunggal. Alhamdulillah, sekarang Allah pilih saya menjadi usahawan," katanya.

## CABARAN BERGELAR USAHAWAN

Kini, Roshannisa bersyukur kerana usahanya sejak dua tahun lepas mula menelurkan hasil, dengan pulangan bersih tiap-tiap bulan antara RM1,500 hingga RM2,000.



**ROSHANNISA Che Kassim (kiri) bersama-sama rakan niaga, Essah Che Mat atau 'Kak Aishah' mempamerkan lasagna yang siap dibakar pada penganjuran PIHEC 2014 baru-baru ini.**



**RUPA bentuk lasagna Roshannisa.**

"Tiada apa-apa yang istimewa. Saya pergi belajar di beberapa kelas bakeri dan *baking* roti dan jual sendiri.

"Tapi, saya masih ingat, modal mula-mula berniaga saya dulu RM20, sebelum mendapat pinjaman mikro kredit untuk membeli mesin pengadun dan pembakar roti yang lebih besar ini," jelas beliau.

Produk *H'aNNiSa Bakes* kini sudah menembusi pasaran sekolah-sekolah di sekitar Seberang Perai, antaranya di Sekolah Menengah Pokok Sena, Sekolah Menengah Permatang Tok Jaya, Sekolah Menengah Bertam Indah dan sebagainya.

Pasta, keju, tomato yang berintikan daging atau ayam merupakan antara adunan utama lasagna enak itu.

"Di sekolah, cikgu-cikgu ada yang pesan lasagna daripada anak-anak, ada yang terus menghubungi saya.

"Lasagna ukuran 6 inci X 6 inci berharga RM35, ukuran 6 inci X 3 inci RM15.

"Sebenarnya produk-produk berasaskan roti *H'aNNiSa Bakes* ini sudah sampai ke Johor, sekarang," ujar beliau.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Walaupun dihambat oleh aktiviti keusahawanan serta tanggungjawab berkeluarga, Roshannisa masih menyimpan cita-cita untuk membina dunia keusahawanan khusus untuk golongan ibu tunggal.

Buat masa ini, Roshannisa menggabungkan diri dengan kerja-kerja sosial bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Siakap, sehingga diberi kepercayaan sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita komuniti setempat.

Terbaru, Roshannisa sendiri menganjurkan Bengkel Demonstrasi Baking Roti di Dewan Masjid Sebarang Jaya pada 15 Februari depan dengan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Jawatankuasa Qaryah Masjid.

"Orang kata, usahawan sibuk. Tapi, saya percaya, orang yang sibuk sahaja ada masa untuk anak-anak dan masyarakat, khususnya golongan ibu tunggal seperti saya," katanya.

## HARAPAN

Roshannisa berkata, beliau berharap lasagna mampu mencuri pasaran pengguna.

"Ini kali pertama saya menyertai persidangan peringkat antarabangsa (PIHEC 2014). Bukan mudah untuk dapat peluang sebegini.

"Saya berharap jaringan perniagaan saya boleh berkembang lebih sihat serta mencuri pelanggan berpotensi melalui PIHEC kali ini," ujar beliau.

Sementara itu, Roshannisa turut merakamkan penghargaan kepada Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Kassim serta Dr. Afif (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) kerana memberi gerai pameran secara percuma kepada usahawan terpilih Bumiputera dalam kalangan ibu tunggal.

"Ini, bagi saya rezeki anak, terima kasih kepada Kerajaan Negeri," ujar Roshannisa lagi.

Layari ***www.facebook.com/HaNNisaBakes*** serta ***www.hannisabakes.com.my*** warta segera memesan lasagna dengan menghubungi 013 – 273 6947 atau emel, ***http://hannisabakes.gmail.com.***

# P.Pinang abai syor Putrajaya naik cukai pintu

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA–** Syor Putrajaya menaikkan kadar cukai pintu bermula pada tahun ini sekali lagi diabaikan kerana pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng tidak mahu menambah beban kos kenaikan sara hidup rakyat.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh bagaimanapun berkata, rakyat mesti bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mengurus sumber pendapatan sedia ada jika mahu Kerajaan Negeri menangguhkan kenaikan cukai pintu dalam lima tahun ini.

Ini kerana, katanya, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri berjaya menjimatkan RM4,198, 556 sahaja daripada kos bayaran pelupusan sisa sampah bagi tahun lepas, sedangkan baki defisit yang ditanggung kira-kira RM27 juta.

Difahamkan, MPSP era Barisan Nasional (BN) dulu didakwa mengamalkan pembaziran, penyelewengan serta menangung hutang tertunggak selama tujuh tahun berturut-turut berjumlah RM230 juta, sebelum dihidupkan semula oleh Kerajaan Negeri hari ini bermula pada tahun 2008.

"MPSP (dianggarkan) boleh memperoleh RM27 juta jika menaikkan cukai pintu sebanyak 15 peratus ini, tetapi, kita tangguhkan dulu.

"Kutipan cukai pintu adalah salah satu cara untuk menjana pendapatan MPSP, tetapi, ditangguh kenaikan cukai pintu ini kerana kita berjaya menjimatkan lebih RM4.1 juta yang sepatutnya MPSP bayar (kepada pihak pengurusan) di Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung.

"Rakyat mesti sepenuhnya bekerjasama dengan MPSP dan MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) bagi menjayakan program kitar semula dan mengurangkan penjanaan sisa pekerjaan jika mahu mengelak kenaikan cukai pintu ini," ujarnya pada satu sidang media selepas merasmikan pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014 di sini baru-baru ini.

Boon Poh mewakili MPSP turut menerima sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM11,500 daripada Pemangku Pengarah Bahagian Sumber Manusia bagi Syarikat Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd., Hasifah Wati Harun bagi menjayakan program Anugerah Komuniti Mampan 2014.



PHEE Boon Poh (dua dari kanan) bersama Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) menunjukkan terbitan buku panduan Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2014 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Rozali Mohamod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Tan Cheong Eng (Ahli Majlis MPSP) turut hadir pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda, Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Maimunah berkata, MPSP boleh menjimatkan lebih banyak sumber pendapatan sedia ada jika sasaran mengurangkan kekerapan kutipan sampah di sekitar Seberang Perai daripada tiga kali seminggu pada sekali seminggu berjaya dalam tahun ini.

"Anggap sampah sebagai sumber melalui program kitar semula.

"Pendekatan bersepadu dalam menguruskan sumber di mana semua pihak perlu bersama-sama terlibat untuk menjayakan konsep ini, (iaitu) mengurangkan pelaksanaan sisa pepejal dan kekerapan kutipan sampah," ujar Maimunah.

# KN tetap lantikan Ahli Majlis - Patahiyah

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) buat pertama kalinya bersidang dan bermesyuarat dengan dianggotai Ahli-ahli Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) baru dilantik bagi sesi lantikan 2014.

Pada mesyuarat tersebut, turut disenaraikan Ahli-ahli Majlis dan Pengerusi Gantian bagi setiap jawatankuasa.

Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan dipengerusikan oleh Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan (Joseph Ng Soon Siang), Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalu Lintas (Muhammad Sabri Md. Osman).

Ong Ah Teong merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Pengerusi Jawatankusa Tetap Penguatkuasaan & Pendidikan (Tan Kim Hooi sehingga 30 Jun ini dan Lim Boon Beng bermula 1 Julai hingga 31 Disember 2014).

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail memberitahu bahawa ketetapan lantikan Ahli Majlis adalah ditetapkan Kerajaan Negeri.

"Pihak Majlis tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis dilantik.

"Ia adalah di luar bidang kuasa MPPP," ujarnya ketika diminta mengulas mengenai pelantikan Ahli Majlis, Aidi Akhbal Mohamed Zainon yang merupakan satu-satunya ahli dilantik dalam tempoh setengah penggal sehingga 30 Jun ini.

# Pemutihan burung walit di bangunan warisan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi mengekalkan nilai estetika bangunan-bangunan di Tapak Warisan Dunia George Town supaya terus terpelihara, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam usahanya menjalankan tindakan pemutihan dan penguatkuasaan aktiviti perusahaan burung walit di sini baru-baru ini.

Nada tersebut disuarakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika mengumumkan perkara tersebut pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, tindakan pemutihan dan penguatkuasaan tersebut adalah selaras dengan Garis Panduan Burung Walit (1GP) yang diluluskan pada Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) September 2010.

"Kerajaan Negeri memutuskan bahawa aktiviti perusahaan burung walit tidak lagi



NOORHANIS Noordin.

dibenarkan beroperasi di kawasan Tapak Warisan Dunia.

"Semua pengusaha dikehendaki memberhentikan operasi perusahaan burung walit, mengeluarkan peralatan berkaitan, merobohkan binaan tambahan dan memindahkan operasi dalam tempoh tiga tahun iaitu bermula pada 1 Januari 2011 dan berakhir pada 31 Disember 2013," tegasnya di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Setiausaha Perbandaran, Ar. Ang Aing Thye, Pengarah Kesihatan MPPP, R. Judy Shoba dan Pengarah Warisan MPPP, Noorhanis Noordin.

Mulai tahun 2011, pemeriksaan di tapak telah dijalankan secara bersepadu oleh pihak MPPP, Jabatan Vaterinar Negeri dan *George Town World Heritage Incorporated* (WHI) bagi menyemak status premis burung walit.

"Sebanyak 128 premis burung walit telah dikenalpasti dan setakat 31 Disember 2013, kesemua 128 premis telah berhenti operasi. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan berterusan masih dilakukan.

"Kita tak mahu bangunan-bangunan tersebut terjejas nilai warisan, budaya dan seninya. Yang paling penting, adalah untuk menjaga supaya status Tapak Warisan Dunia tidak ditarik semula oleh UNESCO," jelas beliau.

# Parkir percuma sehingga dimaklum

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Orang ramai yang meletak kenderaan di kawasan parkir seliaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dapat menikmati kadar percuma sehingga dimaklumkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit kelak.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, perkara tersebut adalah ekoran pihak pemegang konsesi iaitu syarikat Alam Indah Sdn. Bhd. gagal memenuhi permintaan semasa kupon para pengguna di sini.

"Sejak perlaksanaan sistem parkir berkupon pada 1 Januari lalu, orang ramai memberi respon begitu cepat dengan membeli stok kupon sehingga pihak pemegang konsesi gagal penuhi permintaan.

"Penangguhan sementara sistem ini akan berjalan seperti biasa semula setelah MPPP berpuas hati dan mendapati jumlah kupon baru dicetak mampu bertahan untuk jangka masa panjang tanpa berlakunya kehabisan stok seperti sekarang.

"Justeru, pengguna petak parkir MPPP boleh menikmati kadar percuma buat sementara waktu sehingga diberitahu kelak," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Setiausaha Perbandaran, Ar. Ang Aing Thye.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut mengarahkan MPPP supaya memantau dengan teliti perkara berbangkit tersebut bagi mengelakkan ianya berulang demi mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap kreadibiliti sistem baru berkenaan.

"MPPP juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas termasuk menamatkan kontrak pihak pemegang konsesi jika didapati gagal menangani kes seperti ini," tegas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.




AR. Patahiyah Ismail (kanan sekali) bersama Ir. Ang Aing Thye (tengah) pada majlis sidang media mengenai sistem parkir berkupon di sini baru-baru ini.

## Senamrobik MPSP makin dapat sambutan



AKSI para peserta yang menyertai aktiviti senamrobik di Taman Tugu Demokrasi di sini baru-baru ini.

**SIHAT...** Senamrobik bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) peringkat daerah Seberang Perai Utara (SPU) diteruskan dengan lebih ramai penyertaan umum di Taman Tugu Demokrasi di sini baru-baru ini..

Program aktiviti sihat anjuran MPSP dengan kerjasama *My Shape Fitness Centre* tersebut bertujuan mempromosikan budaya hidup sihat dalam kalangan penduduk Seberang Perai.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif ketika ditemui berkata, aktiviti tersebut dijalankan sejajar dengan laungan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Untuk merealisasikan slogan itu, MPSP dengan kerjasama *My Shape Fitness Centre* tidak jemu-jemu menjalankan aktiviti senamrobik ini di setiap tiga daerah di Seberang Perai.

"Semoga program yang akan dijalankan selepas perayaan Tahun Baru Cina pada 9 Februari ini di Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan akan mendapat lebih banyak penyertaan," ujarnya di sini baru-baru ini.

## SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | 10 | 0 | 10 |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | 20 | 0 | 20 |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Hubungi pusat khidmat maklum balas

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU** – Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon meluangkan masa hampir satu jam meramahi dan mendekati permasalahan para peniaga pada lawatan beliau di Kompleks Pasar Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, segala permasalahan dan aduan yang diterima akan dilanjutkan kepada pengetahuan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) selaku pihak pengurusan pasar-pasar awam di negeri ini untuk tindakan selanjutnya.

"Lawatan hari ini, membolehkan saya mendekati serta mengetahui masalah yang dihadapi para peniaga di sini secara dekat dan peribadi.

"Terdapat beberapa masalah yang diutarakan, antaranya adalah berkenaan sewa bulanan di kawasan pasar basah, manakala terdapat juga cadangan supaya diadakan dialog terbuka bersama-sama para peniaga di sini," katanya ketika lawatan di Kompleks Pasar Bayan Baru baru-baru ini.

Pada lawatan itu, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut mengedar kalendar tahun baru dan limau mandarin kepada para peniaga serta pengunjung pasar berkenaan.

Menurut Mohd. Rashid, sebelum ini, MPPP telah memberikan pengurangan bayaran bulanan kepada peniaga di tingkat satu kompleks berkenaan yang mengusahakan perniagaan pakaian.

"Peniaga pakaian di tingkat satu dulunya kita telah berikan pengurangan sewa.

"Malah, (MPPP) juga telah memberikan kelonggaran kepada mereka menjalankan perniagaan di tingkat bawah memandangkan kekurangan pengunjung di tingkat atas," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa bagi kes peniaga di pasar basah, berkemungkinan MPPP akan meneliti semula permohonan tersebut berdasarkan kepada statistik pengunjung yang datang seawal 4 pagi ke pasar berkenaan.

Sebarang aduan ataupun permasalahan boleh hubungi Pusat Khidmat Mohd. Rashid di talian 04 – 646 4700 (Isnin hingga Khamis) bermula jam 9 hingga 11 malam.



**MOHD. Rashid Hasnon (depan dua dari kiri) mengedarkan kalender tahun baru dan limau mandarin kepada salah seorang peniaga di Kompleks Pasar Bayan Baru sempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

# Kenal pasti & selesai kawasan paling teruk banjir - ADUN



**CHONG Eng (dua dari kanan) menjelaskan butir-butir pusat khidmat beliau yang tertera pada kalendar diedarkan di Pasar Awam Seri Rambai di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG** – Projek Tebatan Banjir bernilai RM3.4 juta yang akan dimajukan di Parlimen Bukit Mertajam pada tahun ini turut meliputi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng berkata, beliau akan menyertai lawatan kerja Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow bagi meninjau lokasi tumpuan banjir teruk tersebut untuk dimajukan.

"Tempat-tempat yang seringkali banjir antaranya Kampung Padang Lalang, Taman Seri Rambai, Kampung Bukit Kechil, Lorong Nangka (dekat) Taman Desa Damai.

" Exco Chow Kon Yeow akan turun di sini sekali lagi bagi mengenal pasti kawasan paling teruk mengalami banjir untuk diselesaikan terlebih dahulu," ujarnya yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini baru-baru ini.

Chong Eng berkata demikian pada satu sidang media, sebelum mengedarkan 1,700 kalendar tahun 2014 di Pasar Awam Seri Rambai serta beberapa kawasan sekitar yang lain di Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Lalang.

Hampir 20 sukarelawan dari Pejabat Khidmat Rakyat DUN Padang Lalang turut menyertai majlis bertemu rakyat itu.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) menyampaikan kalendar kepada seorang peniaga di Pasar Awam Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

# ADUN edar kalendar, peka maklum balas

**RAMAH...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini meramahi para peniaga serta pengunjung Pasar Awam Seberang Jaya semasa mengedarkan ratusan kalendar beliau di sini.

Pengedaran kalendar itu adalah sebagai menghargai penduduk Seberang Jaya yang telah memberikan kepercayaan kepada beliau untuk memikul tanggungjawab sebagai ADUN di kawasan itu.

Beliau yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan ditemani Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros dan beberapa ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bagi kawasan Seberang Jaya.

Dalam kesempatan tersebut, beliau turut mengambil peluang mendengar aduan serta maklum balas penduduk setempat.

# ADUN pandang serius wabak denggi

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



SOON Lip Chee (kanan) bersama-sama pegawainya menunjukkan satu sempel air positif jentik-jentik yang diambil di sekitar Perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

**JAWI** - Tiga daripada 24 pemilik premis sekitar Perkampungan Jawi diberi kompaun sehingga RM500 dalam empat operasi berasingan membabitkan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) kerana dikenalpasti sebagai lokasi positif pembiakan nyamuk Aedes.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, situasi itu serius memandangkan sebanyak 64 kes direkodkan di daerah berkenaan pada tahun 2013 berbanding 60 kes pada tahun sebelumnya.

"Saya sangat memandang serius isu ini kerana satu lagi wabak telah diisytiharkan di Perkampungan Jawi untuk tahun 2014 dengan bilangan dua kes disahkan dan tujuh kes disyaki (suspek denggi)," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Demi membasmi pembiakan nyamuk Aedes, beliau berkata, Jabatan Kesihatan Daerah turut melaksanakan aktiviti *'larvaciding'* serta empat kali semburan kabus di kawasan-kawasan berwajib, termasuk pada sistem perparitan sedia ada yang didakwa masih tidak sempurna.

Tidak cukup dengan itu, jelas Lip Chee, tujuh banting turut dinaikkan di sekitar Perkampungan Jawi demi mengajak warga setempat menyertai kempen membasmi wabak berbahaya itu.

"Ini macam kempen nilai untuk tujuan pencegahan," jelas begitu.

Dalam tempoh Januari hingga 21 Disember 2013, sebanyak 41,226 kes denggi dilaporkan meliputi seluruh negeri.

Dari jumlah kes itu, angka kematian direkodkan meningkat sebanyak 151 peratus atau 88 kematian pada tahun 2013 berbanding 35 kematian pada tahun sebelumnya.

Pulau Pinang direkodkan antara negeri yang menunjukkan peningkatan kes denggi pada tahun 2013 berbanding tahun berikutnya, iaitu sebanyak 31 peratus.

Tujuh kematian direkodkan di Pulau Pinang pada tahun lepas, manakala, satu kes kematian terbaru dua minggu lepas.

# Akademi badminton serlahkan bakat



TEH Yee Cheu (berdiri, tujuh dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar yang menyertai Akademi Badminton Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

**BERBAKAT...** Seramai 20 kanak-kanak dan remaja menyertai akademi badminton yang baru dibuka bertempat di Balai Rakyat Tanjung Bungah di sini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu, akademi yang menelan belanja RM7,000 (dari dana beliau sendiri) mensasarkan mereka yang berumur tujuh hingga 14 tahun.

"Selain mencungkil bakat baru, program akademi seperti ini juga bertujuan mengimbangi antara pelajaran dan sukan bagi pelajar-pelajar berkenaan.

Malah, ia (akademi) juga dilihat dapat menarik minat pelajar kurang berkemampuan memandangkan yuran dikenakan adalah serendah RM10 sebulan," katanya pada Majlis Perasmian Akademi Badminton Tanjong Bungah di sini baru-baru ini.

Akademi yang mengadakan sesi latihan pada setiap Rabu dari jam 8 malam hingga 10 malam tersebut turut berhasrat menganjurkan pertandingan badminton antara pasukan-pasukan lain di masa akan datang.




## Bakat Si Cilik – Mewarna!!




Sila isi butiran berikut:

Nama : ............................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ......................................

Alamat: ..........................................................

..................................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: .........................................

No. Telefon : (Rumah) ................ (Bimbit) ....................

Emel: ............................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
2. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Februari 2014.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**